

# Guna konsep NDI kenal pasti kumpulan sasar

**Putrajaya:** Kerajaan akan beralih kepada pengukuran kemiskinan lebih bermakna berdasarkan konsep Pendapatan Boleh Guna Bersih (NDI) sebagai asas mengenal pasti kumpulan sasar untuk pemberian bantuan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, konsep NDI akan mengurangkan ralat keciciran di samping bersifat lebih adil, dan ia akan mengambil kira Perbelanjaan Asas Kehidupan Wajar (PAKW) yang merujuk kepada kos keperluan hidup untuk menjalani kehidupan bermaruah dan bermakna.

meliputi kos makanan, pakaian, tempat tinggal, utiliti dan pengangkutan, yang berbeza mengikut lokasi dan demografi isi

rumah,” katanya ketika berucap pada Simposium Kebangsaan 2024: Menoktah Kemiskinan di sini, semalam.

Simposium bertemakan “Bersama, Berdaya dan Mampan” itu menggariskan lima ikhtiar iaitu memantapkan pengukuran, mereformasi dana menoktah kemiskinan, menyatupadukan data, merubah sikap dan pemikiran serta memperkukuh tenggang menoktah kemiskinan.

Anwar yang juga Menteri Kewangan turut memberi jaminan Jemaah Menteri akan memberi perhatian serius terhadap dapatan dan input yang dikumpulkan dalam simposium berkenaan.

Bagi ikhtiar kedua, Mereformasi Dana Menoktah Kemiskinan, Anwar berkata kerajaan ko-

mitted meneruskan reformasi fiskal sebagai sebahagian langkah untuk menstruktur semula ekonomi ke arah kemampanan.

Ia termasuk merombak struktur subsidi menyeluruh kepada subsidi dan bantuan yang lebih bersasar, termasuk bantuan sosial dan program kemiskinan.

Perdana Menteri berkata, kebergantungan kepada dana daripada kerajaan semata-mata boleh menjejaskan kemampanan program kemiskinan dan mengakibatkan tekanan fizikal kepada kerajaan.

“Bagi mengatasi cabaran ini, kita perlu menggembeng lebih banyak lagi kaedah pembiayaan berinovatif seperti dana impak sosial, perkongsian awam-swasta dan pembiayaan campuran.

Oleh itu, kerajaan menggalakkan sumbangan dana daripada pelbagai pihak melalui pembabitian syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC), sektor swasta dan sektor ketiga dalam inisiatif pembiayaan bersama untuk menyokong penyelesaian berasaskan komuniti,” katanya.

Bagi ikhtiar ketiga Menyatupadukan Data, ia usaha berterusan yang sentiasa diambil kerajaan dalam memastikan pangkalan data berkenaan sentiasa kekal berintegriti.

Anwar berkata, adalah penting bagi kerajaan memastikan semua agensi berkaitan bekerjasama dengan berkongsi data, maklumat dan sumber untuk

mengenal pasti dan menyelesaikan isu kemiskinan tegar.

“Oleh itu, pada 2025, kerajaan menyasarkan penggunaan PADU sebagai asas dalam penentuan kelayakan dan pemberian bantuan, sekali gus menyokong inisiatif membuat keputusan berasaskan data,” katanya.

Ikhtiar keempat, iaitu Merubah Sikap dan Pemikiran, manakala ikhtiar kelima Memperkukuh Tenggang Menoktah Kemiskinan, yang merujuk kepada pendekatan *behavioral insight* bagi memahami dan mendalami sikap dan tingkah laku kumpulan sasar dalam merangka program untuk membebaskan sesebuah komuniti atau individu daripada belenggu kemiskinan.

BERNAMA